

# MN tidak jejas kestabilan Kerajaan Perpaduan - Anwar

Oleh HANAFI ZULKEFLI  
hanafi.zulkefli@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, usaha untuk menghidupkan semula Muafakat Nasional (MN) tidak akan menjejaskan kestabilan Kerajaan Perpaduan.

Malah kata Perdana Menteri, semua parti gabungan dalam Kerajaan Perpaduan telah memberikan ikrar untuk menumpukan perhatian kepada urusan ekonomi dan pembelaan nasib rakyat hingga pilihan raya akan datang.

“Soal orang ada keinginan atau kecenderungan masing-masing, soal berpecah atau bercerai-berai, itu bukan masalah saya dan bukan masalah kerajaan perpaduan,” katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jumahiah, Taman Dato’ Harun, di sini, semalam.

Anwar berkata, kerajaan akan kekal melaksanakan amanah rakyat tanpa terkesan dengan isu peribadi atau pendirian individu tertentu.

“Kerajaan akan terus bekerja dan melaksanakan tugas. Perkara lain itu adalah urusan mereka, kerajaan tidak akan mencampuri urusan dalaman parti kerana fokus kekal kepada tadbir urus ekonomi negara dan kepentingan rakyat,” katanya.



**ANWAR** Ibrahim menyantuni orang ramai sebelum makan tengah hari di Medan Selera Taman Dato’ Harun, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

Media sebelum ini melaporkan, Pas menyambut baik cadangan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh untuk mewujudkan semula MN jika UMNO mengisytiharkan keluar daripada gabungan Pakatan Harapan (PH).

Ketua Penerangan Pas, Ahmad Fadhli Shaari berkata, beliau sangat setuju dengan cadangan yang dilontarkan Muhamad Akmal.

Mengulas kemelut melanta gabungan Perikatan Nasional (PN) Anwar berkata, kerajaan tidak masuk campur dalam

pergeseran yang berlaku dalam Perikatan Nasional (PN) ketika ini.

Katanya, kemelut politik dan perpecahan dalam kalangan parti politik yang terjadi pada waktu ini bukan juga dalam tanggungjawab kerajaan.

Menurutnya, tumpuan utama pentadbiran pada masa kini adalah untuk menumpukan kestabilan negara, pemulihan ekonomi dan pembelaan nasib rakyat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu pengurusan bazar Ramadan dilaksanakan dengan lebih telus agar tidak wujud penglibatan orang tengah dan

ejen yang mengambil komisen.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan peluang berniaga dimanfaatkan rakyat untuk menambah sumber pendapatan.

“Mengambil contoh yang dilaksanakan oleh Petaling Jaya secara lebih telus melalui pendaftaran dalam talian bagi mengelakkan penglibatan orang tengah dan ejen yang mengambil komisen.

“Jadi, ahli-ahli pengurusan bandar raya sepatutnya memberi kerjasama supaya proses lebih teratur dan mengelakkan amalan angkat komisen,” katanya.